

ADAB DALAM ISLAM: CABARAN KOMUNIKASI DIGITAL MELALUI APLIKASI WHATSAPP DALAM PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

ETHICS IN ISLAM: CHALLENGES OF DIGITAL COMMUNICATION THROUGH WHATSAPP APPLICATION IN THE IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING

Siti Zafrina Mohd Zahari ^{1*}

Nurul Hidayah Che Hassan ²

Muhammad Muzakkir Othman ³

Md Hamzaimi Azrol Md. Baharudin ⁴

Rasyad Afif Ibrahim ⁵

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, 26400 Malaysia, (E-mail: zafrina@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, 26400 Malaysia, (Email: nurul_hidayah@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, 26400 Malaysia, (E-mail: ziekir@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, 26400 Malaysia, (E-mail: hamzaimi@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, 26400 Malaysia, (E-mail: rasyad@uitm.edu.my)

*Corresponding author: zafrina@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Mohd Zahari, S. Z., Che Hassan, N. H., Othman, M. M., Md Baharudin, M. H. A., & Ibrahim, R. A. (2025). Adab dalam Islam: Cabaran komunikasi digital melalui aplikasi WhatsApp dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 453 – 463.

Abstrak: Memelihara adab dan kesopanan merupakan amalan yang dituntut di dalam Islam. Dalam aspek pembelajaran, adab seseorang pelajar perlu dijaga agar suasana keilmuan dapat dicapai dengan baik. Seiring abad ke-21, penggunaan digital adalah termasuk keperluan utama di dalam kehidupan bagi setiap individu masa kini. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis cabaran mahasiswa memelihara adab Islam ketika menggunakan aplikasi Whatsapp serta panduan bagi menangani isu kurang adab di media sosial dalam konteks pembelajaran dilaksanakan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan cara analisis kandungan daripada bahan terbitan artikel jurnal, laporan akhbar serta laman sesawang sebagai sumber utama. Hasil kajian mendapati antara cabaran memelihara adab Islam dalam komunikasi digital yang berlaku dalam kalangan mahasiswa adalah melibatkan penggunaan perkataan yang tidak formal, kurang menjaga privasi dan waktu serta tidak memberi respon yang sewajarnya ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran

berlangsung. Oleh itu, panduan menjaga adab bagi mahasiswa ketika proses pembelajaran wajar diberi perhatian agar generasi kini dapat membentuk akhlak yang mulia.

Kata Kunci: *Adab Islam, Komunikasi Digital, WhatsApp*

Abstract: *Maintaining etiquette and decorum is an essential practice in Islam. In the realm of education, a student's conduct must be upheld to foster a conducive scholarly environment. In line with the 21st century, digital usage has become a fundamental necessity in the lives of contemporary individuals. Therefore, this study aims to analyse the challenges faced by students in upholding Islamic etiquette while using the WhatsApp application, as well as providing guidelines for addressing issues of impropriety on social media within the context of learning. This study uses a qualitative approach by analysing content from published journal articles, newspaper reports and website as the main sources. The findings indicate that among the challenges of maintaining Islamic etiquette in digital communication among university students are the use of informal language, inadequate privacy and time management, and not providing appropriate responses during the teaching and learning process. Therefore, guidelines for maintaining etiquette for students during the learning process should be given attention so that the current generation can cultivate noble character.*

Keywords: *Islamic Etiquette, Digital Communication, WhatsApp*

Pengenalan

Komunikasi ialah satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang ada hari ini memudahkan proses komunikasi berlaku dengan cekap, cepat dan merentas jurang dan batas masa dan ruang fizikal. (Shaikh Mohd Saifuddeen, 2015). Peningkatan penggunaan ICT pada semua aspek termasuklah e-pembelajaran adalah berpunca daripada kewujudan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat yang memaksa pihak kerajaan untuk mengambil tindakan bagi mengarahkan rakyat melaksanakan kaedah bekerja dari rumah (BDR). Semua lapisan masyarakat seperti pekerja, murid terlibat dengan arahan ini (Khalissafari & Mohd Isa, 2023). Konsep komunikasi hari ini berubah seiring peredaran zaman yang hanya tulisan atau sekeping gambar pada halaman media sosial sudah lengkap menjadi syarat perhubungan manusia. Dalam konteks Malaysia, media terlalu berperanan dalam perhubungan masyarakat (Nurul Badriyah, 2021). Kemajuan teknologi menyaksikan Internet bukan sahaja sebagai medium untuk memperoleh maklumat, malah berkembang kepada media sosial yang mempunyai kemampuan yang lebih hebat hasil gabungan tiga elemen utama iaitu teknologi, perbualan dan perkongsian maklumat (Siti Ezaleila, 2013).

Menurut Nur Aisyah et. al (2024), dalam konteks moden, komunikasi digital telah menjadi semakin penting dengan berkembangnya teknologi informasi dan komunikasi. Ini mempengaruhi cara kita berinteraksi, berkomunikasi, dan berkongsi informasi dengan orang lain. Komunikasi digital juga merujuk kepada pertukaran maklumat dan idea melalui platform dan alat digital, seperti internet, media sosial, aplikasi pesanan ringkas, dan emel. Ia melibatkan penggunaan teknologi digital untuk menghantar, menerima, dan memproses mesej dalam bentuk teks, audio, video, atau grafik. Selain itu, sifat canggih peranti teknologi seperti PDA (*personal digital assistant*), telefon pintar, tablet dan sebagainya telah membawa kepada pendekatan baharu kepada pendidikan iaitu m-pembelajaran. Pada asasnya, m-pembelajaran adalah satu bentuk pembelajaran yang menggunakan teknologi telefon pintar untuk

memudahkan proses pembelajaran, mempunyai rujukan atau mencari maklumat yang berkaitan pada masa tertentu. Menurut Nur Syarafina et. al (2020), revolusi internet dan teknologi komunikasi telah berkembang dengan pesat dan menyebabkan kemunculan pelbagai rangkaian multimedia interaktif seperti pembelajaran mudah alih (*mobile learning*), pesanan suara (*mobile voice*) dan pesanan segera (*instant messaging*) seperti yang terdapat pada aplikasi Whatapps dan Telegram. Perkembangan teknologi, khususnya pengenalan aplikasi penghantaran maklumat seperti WhatsApp, mengubah cara pelajar dan pensyarah berkomunikasi.

Meskipun ia memudahkan penyampaian maklumat, penggunaan bahasa yang terlalu santai, lambat memberikan maklum balas atau langsung tidak memberikan reaksi terhadap mesej daripada pensyarah adalah antara contoh bagaimana teknologi boleh merendahkan standard komunikasi beradab (Norziah & Hazlin, 2025). Menurut Fatin Izati & Farah Hanan (2021), pendidikan digital boleh mengganggu gugat adab berguru antara murid dengan guru yang diajarkan dalam Pendidikan Islam. Islam adalah agama yang mementingkan adab berguru antara guru dan murid. Penghayatan adab dalam diri pelajar sangat perlu dititikberatkan sebagaimana digambarkan bahawa ilmuan terdahulu memperuntukkan masa mempelajari adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu (Solhal, 2021). Al-Ghazali berpendapat elemen adab dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting. Apabila seseorang anak itu telah dibiasakan dengan mengamalkan segala perkara yang baik, maka ia akan membesar dengan baik hasil daripada persekitaran yang positif (Nur Eliza, 2021).

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan daripada bahan terbitan seperti artikel jurnal, laman sesawang, disertasi serta laporan akhbar tempatan secara atas talian. Antara sumber-sumber sekunder yang digunakan adalah analisis kandungan serta mendapatkan maklumat semasa berkaitan adab di media sosial dalam laporan akhbar tempatan secara atas talian seperti Kosmo Digital, Sinar Harian, Harian Metro, Star Media Group serta Berita RTM. Manakala kajian lepas berkaitan dengan komunikasi digital dalam pembelajaran dan pengajaran turut dikaji dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kajian kepustakaan melibatkan artikel jurnal, laman sesawang dan disertasi dalam mengumpul maklumat berkaitan penggunaan WhatsApp sebagai alat komunikasi pelajar dan panduan adab Islam bagi mengatasi cabaran yang dihadapi.

Sorotan Literatur

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah membawa perubahan mendalam dalam cara individu berinteraksi, berkomunikasi dan mengakses maklumat. Penggunaan awal dan revolusi komunikasi adalah dengan kemunculan komputer peribadi dan internet menandakan fasa awal pembangunan TMK (Siti Nur Rohanie et al. 2024). Kewujudan teknologi internet dan telefon mudah alih memudahkan generasi muda berinteraksi dan mencari maklumat dengan pantas (Raudhatusoufwh & Kamarul Azmi, 2022). Salah satu aplikasi yang banyak digunakan pada masa kini adalah aplikasi WhatsApp. Menurut Adila Sharinni (2024), perkembangan pesat teknologi komunikasi era baharu seperti WhatsApp wajar dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses meningkatkan tahap pendidikan negara. WhatsApp dilihat sebagai medium yang wajar digunakan bagi membantu proses komunikasi antara guru dan pelajar dan komunikasi dengan rakan sebaya. Manfaat yang diperolehi menerusi kemampuan ICT dapat membantu guru dan pelajar untuk memperbaiki proses interaksi dan komunikasi (Malini & Tan, 2020). WhatsApp boleh menjadi aplikasi yang berguna untuk tujuan pembelajaran dalam kalangan

pelajar-pelajar di universiti, kerana ia meningkatkan pelajar dalam penglibatan dan pembelajaran melalui perbincangan dalam aplikasi WhatsApp (Fatin Fatinah et al, 2017).

Dengan penggunaan WhatsApp yang sudah meluas penggunaanya, aplikasi tersebut juga telah banyak digunakan sebagai media interaksi pembelajaran yang baik itu di sekolah atau di universiti. Sebagai contoh, para mahasiswa telah memilih aplikasi WhatsApp untuk memberikan sebarang maklumat penting berkaitan pembelajaran (Nurain Maisarah, 2024). Salah satu kelebihan aplikasi WhatsApp ialah boleh berkomunikasi dengan lebih 50 orang rakan dalam ruangan kumpulan (*group*). Kemudahan mewujudkan kumpulan WhatsApp secara tidak langsung dapat memudahkan komunikasi dan interaksi secara berkumpulan (Maslida, 2018). Banyak dapatan kajian menyatakan bahawa terdapat banyak impak positif penggunaan aplikasi WhatsApp dalam pembelajaran kerana fungsinya yang boleh berkongsi maklumat secara efektif dan mudah digunakan untuk berkomunikasi (Zulhanif & Roslinda, 2019). Kajian Annamalai et. al, (2025) mendapati para peserta menunjukkan bahawa interaksi sosial melalui platform WhatsApp membolehkan mereka untuk belajar, menemukan, dan membina pengetahuan. WhatsApp menyokong interaksi antara pelajar serta antara pelajar dengan pengajar bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang mesra untuk pembelajaran tatabahasa Inggeris.

Namun, penggunaan bahasa rojak dan perkataan-perkataan baharu semakin menular dalam kalangan pelajar disebabkan oleh fenomena modenisasi bahasa dalam kalangan generasi Z (Khairun Dzuria Azniza et.al, 2020). Menurut Syed Lamsah (2017), generasi Y pula bersikap mahukan sesuatu dengan cepat serta lantang memberi pendapat, tetapi mereka turut menonjolkan ciri budaya yang diwarisi iaitu terlalu bergantung kepada guru, memberi maklum balas hanya apabila diminta oleh guru dan berkomunikasi dalam lingkungan ahli kumpulan. Golongan remaja lebih mengutamakan kandungan mesej dan kepantasan penghantaran mesej berbanding penggunaan bahasa yang betul dari segi ejaan, tatabahasa, struktur ayat, gaya bahasa dan sebagainya. Keadaan ini diburukkan lagi dengan penggunaan kata singkatan atau akronim. Lazimnya, huruf vokal atau konsonan akan digugurkan semasa menaip mesej (Nik Muhammad Izuddin et al., 2014). Pengaruh media sosial mungkin penyebab semua itu berlaku, akses kita kepada seseorang individu itu hanya dihujung jari menyebabkan kita menjadi kurang adab (Siti Kamilah, 2022). Menurut kajian Hayati (2019), golongan dewasa berpendapat bahasa dan gaya pertuturan remaja masa kini adalah berdasarkan pengaruh keluarga dan persekitaran mereka membesar.

Cabaran Penerapan Adab Islam Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PnP) Melalui Aplikasi WhatsApp

Menurut Nur Faizah et. al (2023), dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), terdapat lapan elemen yang berupaya meningkatkan dan memaksimumkan pembelajaran murid. Elemen tersebut ialah objektif dan standard, set induksi, input, pemodelan atau percontohan, tunjuk cara atau panduan pelaksanaan, amali sendiri, penilaian dan penutup. Bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dengan pelaksanaan e-pembelajaran bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia sememangnya akan wujud cabaran sama ada dari aspek prasarana dan masalah teknikal dalam pelaksanaannya mahupun aspek kemahiran dalam melaksanakannya. Namun, cabaran ini perlu disahut kerana menjadi seorang guru yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran lumrahnya bukanlah suatu perkara yang mudah (Tengku Sarina Aini et al, 2022). Menurut Siti Rabi'atull Aisha & Noraini (2018), generasi Z ini terdiri daripada mereka yang berada di peringkat sekolah sehingga universiti dan kurang kemahiran komunikasi

interpersonal berbanding generasi-generasi terdahulu dikhuatiri mempengaruhi keberkesanan aktiviti pembelajaran mereka (Ahmad Amri & Siti Asma', 2017).

Cabaran pertama adalah penggunaan perkataan tidak formal yang berlaku dalam sesi pembelajaran melalui aplikasi WhatsApp. Bahasa merupakan medium yang digunakan ketika berkomunikasi. Semasa berkomunikasi aspek kesantunan harus juga dititik beratkan seperti nilai sopan, menggunakan perkataan yang sopan, halus dan indah (Ainal Akmar et al., 2016). Menurut Noor Akhmarisha & Rusniyati (2017), penggunaan singkatan dan simbol yang baku atau standard dalam penulisan WhatsApp boleh mempengaruhi pengguna bahasa, khususnya dalam kalangan remaja dan pelajar. Gen Z dan Alpha lebih terbiasa berkomunikasi melalui pesanan teks, media sosial atau pelbagai platform digital yang lain. Mereka menginginkan sesuatu bersifat segera dan pada umumnya kurang menghargai proses. Perkembangan teknologi adalah faktor yang menyebabkan mereka memiliki karakteristik sedemikian, bermain *smartphone* hingga mengabaikan interaksi sosial (Wahyu Mei, 2024). Menurut Muhammad Zaid et al., (2024), kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan slanga dan bahasa tidak formal dalam konteks media baharu dan media sosial telah memberi impak terhadap Bahasa Kebangsaan serta penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda. Kajian Siti Nurul Jannah dan Junaini (2020) menunjukkan bahawa sikap jati diri Gen Z terhadap bahasa Melayu berada pada tahap rendah seolah-olah sedang mengalami krisis identiti bahasa. Bagi generasi muda yang baru belajar mengeja atau membaca, tindakan memendekkan boleh dianggap sebagai merosakkan ejaan perkataan dan ia boleh mempengaruhi cara mereka menulis seperti "semua" dieja "sumer" atau "sema"; "cerita" menjadi "cite"; "apa" menjadi "pa"; "buat" menjadi "wat"; dan "depan" menjadi "dnp." (Supyan, 2005). Menurut Siti Nurul Jannah et al. (2023), pengamalan bahasa Melayu Gen Z bermula dengan proses mengamati dan meniru perilaku model peranan seperti ibu bapa, keluarga terdekat, masyarakat sekeliling dan guru. Golongan ini adalah yang paling kuat mempengaruhi pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu.

Seterusnya kurang menjaga privasi dan waktu ketika berkomunikasi dalam aplikasi WhatsApp. Media sosial merupakan media yang paling kerap digunakan dan menjadi pilihan belia dalam mendapatkan sesuatu maklumat dan informasi dan di antara waktu yang paling kerap mereka menggunakan media sosial ialah di antara pukul 8.00 malam sehingga pukul 11.00 malam. Ini adalah kerana waktu itu adalah waktu mereka berehat dan tidak terlibat dengan komitmen lain seperti belajar atau menghadiri kuliah (Jamilah & Nur Nasliza Arina, 2016). Hari ini kebanyakan Gen Z mempunyai sekurang-kurangnya dua alat seperti telefon bimbit atau Ipod dan mereka tidak boleh hidup tanpa gajet tersebut. Mereka amat individualistik dalam perwatakan mereka, memiliki persona tersendiri serta tidak mengikut norma-norma sosial yang biasa (Muhammad Talhah et al. (2020). Menurut Mukhlis et al. (2023), para pelajar wajar mengambil kira waktu yang efektif sekiranya mahu mengirim teks ucapan. Sebaiknya jangan menghubungi pensyarah jika sudah lewat malam kerana ia boleh dianggap tidak sopan dan pesanan teks harus dilakukan dalam waktu kerja agar tidak mengganggu waktu pensyarah. Menurut Nur Ain Maisarah & Shazaitul Azreen (2025), Gen Z di Malaysia hidup dalam persekitaran yang unik di mana tekanan sosial dari media sosial, cabaran akademik, dan perubahan norma keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk konsep diri mereka.

Komunikasi berkesan memberi penekanan dari aspek kemahiran sosial supaya dapat membantu pelajar bertindak balas dengan persekitaran dan mengawal diri dalam menghadapi cabaran bagi mencapai dan meningkatkan kecemerlangan diri (Nurul Salmi & Mohd Isha, 2014). Etika

komunikasi di media sosial perlu dijaga agar tidak melukai perasaan orang lain atau menyebabkan perbalahan yang tidak berkesudahan (Irdina Ilumna et. al, 2024). Oleh itu, cabaran yang berikutnya adalah pelajar tidak memberi respon yang sewajarnya ketika proses PnP berlangsung. Bagi Gen Z, teknologi komputer dan Internet adalah tempat yang biasa. Semua komunikasi mereka mengambil tempat di internet dan mereka menunjukkan kemahiran komunikasi lisan yang sangat sedikit. Gen Z bukanlah pendengar yang baik dan mereka juga kurang kemahiran interpersonal (Maslida et al., 2020). Berbeza dengan generasi sebelumnya seperti Gen X dan Millennials, Gen Z sering dilihat lebih lantang dan sensitif dari segi emosi, malah kadangkala dilabel sebagai 'manja' (Bernama, 2025). Mereka suka beraktiviti dan boleh melakukan beberapa tugas pada satu masa. Mungkin mereka mampu membuat kerja sekolah sambil menonton video dan sambil berinteraksi dengan rakan melalui media sosial (Nor Hazrul & Wan Rohani, 2021). Menurut Oktavia & Khoirunisa (2025), walaupun teknologi menawarkan gaya hidup dengan pelbagai kemudahan, terdapat juga kesan negatifnya iaitu pengurangan interaksi sosial secara langsung dan peningkatan risiko gangguan kesihatan mental.



Rajah 1: Contoh penggunaan perkataan yang kurang formal
Sumber: Koleksi peribadi penulis



Rajah 2: Contoh kurang menjaga privasi dan waktu
Sumber: Koleksi peribadi penulis



Rajah 3: Contoh tidak memberi respon yang sewajarnya
Sumber: Koleksi peribadi penulis

Panduan Adab Islam Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PnP) Melalui Aplikasi WhatsApp

Majlis ilmu ialah tempat di mana para pelajar bertemu dengan guru untuk mendapatkan ilmu dan kefahaman. Ia memerlukan adab dan kesopanan, antaranya ialah pelajar bersegera hadir ke majlis ilmu dan tidak lewat. Hadir awal ke kelas bukan hanya tentang rasa hormat kepada guru tetapi ia adalah gambaran kesungguhan pelajar untuk mendapatkan ilmu (Adibah et al. 2019). Para pelajar perlu menjaga komunikasi sesama manusia kerana apabila berkomunikasi dengan online, gerakan tangan dan nada suara anda dalam bentuk kumpulan Whatsapp, menjawab perbincangan dalam kumpulan atau berbual dalam bilik borak, setiap pernyataan anda mudah disalahtafsirkan (Afiq, 2018). Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat ke 19 menyeru manusia untuk melunakkan suara ketika berbicara. Ayat ini menerangkan bahawa al-Quran menggalakkan manusia untuk menggunakan bahasa santun dalam berkomunikasi sama ada melibatkan komunikasi secara bersemuka atau ketika di media sosial. Kesantunan

ini merupakan gambaran sifat manusia yang memiliki peribadi yang mulia serta beradab, manakala orang yang tidak santun dianggap seperti haiwan (Nurul Ashiqin & Fariza, 2022).

Bagi melancarkan proses pembelajaran atas talian, menepati masa yang telah ditetapkan merupakan tanggungjawab setiap pelajar. Dengan semudah menekan pautan link yang telah diberikan oleh guru, pelajar seharusnya tidak memiliki alasan untuk lambat menyertai kelas yang bakal dijalankann. Walaupun, pembelajaran secara atas talian memiliki masa yang fleksibel namun, menghormati waktu merupakan salah satu adab yang perlu diamalkan oleh setiap pelajar. Maka, penting bagi setiap pelajar untuk menghargai masa yang diberikan, sesuai dengan peringatan dalam Surah Al-Asr ayat 1-2. (Muhammad Firdaus et. al, 2024)

Bagi menjayakan sesi pembelajaran dalam talian, interaksi dua hala antara guru dan murid adalah sangat diperlukan. Oleh itu, murid perlulah memberikan kerjasama dan melibatkan diri secara aktif dalam sesi tersebut (Nur Farah Syahirah & Abdul Muhsien, 2021). Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT), adab dengan guru mestilah diaplikasikan mengikut cara yang sesuai seperti membuat persediaan awal dan bersedia untuk masuk ke kelas, memberi salam sejurus selepas guru menekan butang terima, meletakkan pembesar suara dalam keadaan senyap, membuka kamera semasa bercakap, meminta izin dan memberi ucapan terima kasih untuk keluar daripada talian apabila telah tamat sesi PdPDT, memohon maaf sekiranya talian mempunyai masalah, membuat semua tugas yang diberikan serta mempelajari dan menguasai pengetahuan berkaitan aplikasi dalam talian supaya proses pembelajaran dalam talian berjalan dengan lancar (Nur Khamsiah, 2021). Pelajar yang menjalankan aktiviti pdp secara atas talian dengan tatasusila dan moral yang tinggi adalah merupakan seseorang yang sangat-sangat disukai bukan sahaja oleh Allah SWT malah juga disukai oleh sesama manusia (Ku Mohd Syarbaini et al., 2023).

Kesimpulan dan Cadangan

Komunikasi digital dalam perkembangan teknologi semasa ternyata melalui perubahan dinamik terhadap pelbagai aspek termasuk sistem pendidikan. Penggunaan alat digital memberi impak yang cukup besar kepada masyarakat khususnya pelajar dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PnP). Para pendidik dan pelajar bukan sahaja perlu mendepani cabaran teknologi kesan revolusi industri 4.0 (IR 4.0) malah adab dan tingkah laku turut menjadi isu utama. Dalam membentuk insan yang bakal mencorak kepimpinan masa depan, sikap dan personaliti wajar diambil kira selain keupayaan teknologi sedia ada. Oleh itu, antara cadangan yang boleh diambil bagi mengatasi isu adab dalam pendidikan adalah pendidikan berkaitan adab perlu dipertingkatkan sebagaimana kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' yang diperkenalkan pada 11 Januari 2005 oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Generasi kini perlu didedahkan semula slogan mengenai adab dan budi bahasa bagi mendidik sikap yang mulia. Seterusnya panduan penggunaan media sosial yang beradab perlu diberi perhatian secara berulang agar dapat menangani isu adab dan tingkah laku dalam kalangan remaja. Panduan menggunakan teknologi perlu diuruskan dengan bijak agar persekitaran generasi muda mempunyai ilmu tentang dunia tanpa sempadan. Etika berada di media sosial wajar diambil kira terutama berkaitan pembelajaran dan pengajaran (PnP) ketika berhadapan dengan guru. Seterusnya peranan ibu bapa dan persekitaran juga seharusnya menunjukkan contoh dan akhlak yang terpuji dalam pembentukan peribadi generasi anak muda kini. Walaupun berlaku perbezaan suasana yang amat ketara di antara golongan terdahulu, generasi kini wajar diberi perhatian yang sewajarnya kerana mereka merupakan warisan generasi kepemimpinan masa hadapan.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang di atas penganjuran seminar penulisan dan sokongan dalam menyiapkan kajian penulis.

Rujukan

- Adila Sharinni Wahid. (2024). "Teknologi Whatsapp, Tingkat Tahap Pendidikan Negara". Laman *Sinar Harian*, bertarikh 6 September 2024. Pautan <https://www.sinarharian.com.my/article/684174/berita/nasional/teknologi-whatsapp-tingkat-tahap-pendidikan-negara---gpms>, diakses pada 26 Julai 2025.
- Adnan, A. A. Z., Rosdi, S. A. M., & Rodhi, M. (2017). Tinjauan penerimaan generasi-z di universiti awam terhadap kaedah pembelajaran abad ke-21. In *Proceeding of the 4th National Research Seminar*.
- Afiq Hanif. (2018). "Adab Berkomunikasi Dunia Siber". Laman *Harian Metro*, bertarikh 1 November 2018. Pautan <https://www.hmetro.com.my/itmetro/2018/11/391419/adab-berkomunikasi-dunia-siber>, diakses pada 24 Julai 2025.
- Ahmad, J., & Nasir, N. N. A. M. (2016). Amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' melalui Aplikasi Media Sosial. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 14, 167-194.
- Ahmad, A. A., Yahya, M. A., Hashim, N., & Mahmor, N. A. (2016, October). Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi di Laman Sosial. In *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair*.
- Akhmarisha, N. (2017). Analisis Linguistik Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam kalangan Pelajar di IPTS. *AL-Lisan International Journal for Linguistic & Literary Studies*, 1(1), 151-165.
- Al Amirul Eimer Ramdzan Ali. (2022). "Adab Dalam Kalangan Graduan Universiti". Laman *Star Media Group*, bertarikh 15 Mac 2022. Pautan <https://majoriti.com.my/berita/2022/03/15/adab-dalam-kalangan-graduan-universiti>, diakses pada 29 Julai 2025.
- Annamalai, N., Alsalhi, N. R., Eltahir, M. E., Zakarneh, B. M., Yunus, K., & Zyoud, S. H. (2025). A Qualitative Investigation of WhatsApp Interaction for English Language Grammar Learning. *SAGE Open*, 15(1). <https://doi.org/10.1177/21582440251315528> (Original work published 2025).
- Daud, M. Z., Yasir, M. F. A., Emran, A. D., Nordin, A. H., Halim, M. Z. I. A., Jasni, N. H., ... & Subet, M. F. (2024). Mahasiswa, Slanga, Pembentangan Kumpulan Berbahasa Melayu dan Pragmatik (Teori Relevans). *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 1-14.
- Dazali, N. S. M., & Awang, M. I. (2016). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 44-56.
- Fatin Fatinah Manap, Khalid, F. & Aidah Abdul Karim. (2017). *Whatsapp sebagai Platfom M-Pembelajaran*. Dalam Rohaila Mohamed Rosly, Nabila Atika Razali & Nur Atikah Jamilluddin. (Editor)., *Pembelajaran Abad ke-21: Trend Integrasi Teknologi* (pp 69-79). Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Fital, S. N. J., Kasdan, J., & Basir, S. N. M. (2023). Pengamalan Bahasa Melayu Generasi Z Dalam Era Revolusi Industri 4.0 Dari Perspektif Sosiokognitif. *Journal of Human Development and Communication (JoHDeC)*, 12, 90-106.
- Fital, S. N. J. B., & Kasdan, J. B. (2020). Sikap dan Penghayatan Jati Diri Bahasa Melayu Generasi Z (Gen Z), dalam Menempuh Revolusi Industri 4.0. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)*, 2(2), 89-107.

- Hassan, N. A. A., UIS, U. I. S., Zain, A. E. M., Ismail, S., Ismail, N., & Ibrahim, H. (2024). Transformasi Komunikasi Digital: Impaknya Dalam Hubungan Sosial. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)* 17-18 Julai 2024.
- Haslin, K. M., & Hamzah, M. I. (2023). Pendigitalan pendidikan: kesediaan dan cabaran terhadap murid dalam pembelajaran. *International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(1). 41-57.
- Hayati Ariffin. (2019). "Bahasa Kurang Sopan Ubah Cara Komunikasi Remaja Masa Kini". Laman *Sinar Harian*, bertarikh 18 November 2019. Pautan <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/KHAS/Pendapat/Bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>, diakses pada 29 Julai 2025.
- Hussin, S. (2005, April). Sejauh Manakah SMS Mencemar Bahasa Melayu. *Kertas kerja dalam Seminar Penyelidikan: Bahasa SMS*. Dewan Bahasa dan Pustaka. (Vol. 19).
- Idris, S. R. A., & Hamzah, N. (2018). Penglibatan Mahasiswa Gen-Z Dalam Kegiatan Kokurikulum Kampus: Isu dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Kepengetuaan Dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan*, ISBN, 379-382.
- Ismail, S., Mat Zain, A. E., Ibrahim, H., Ismail, N., Abu Hassan, N. A., & Dass Meral, F. F. (2024). Kepentingan Aplikasi Digital dalam Pembelajaran Anak Muda Era Industri 4.0: The Importance of Digital Applications in Young Children's Learning Industry Era 4.0. *Semarak International Journal of STEM Education*, 1(1), 28–38. <https://doi.org/10.37934/sijste.1.1.2838b>.
- Jaafar, N. A. ., & Md Sham, F. . (2022). Language Politeness And Etiquette On Social Media From The Islamic Perspective: An Observation: Kesantunan Bahasa Dan Adab Di Media Sosial Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Kajian Lepas. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 108–115. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/527>.
- Kamlin, Malini., & Tan C. Keong. (2020). "Kemampuan ICT 'WhatsApp' sebagai Medium Komunikasi Berkesan." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(10) 2020, p. 178-183, doi:10.47405/mjssh.v5i10.509.
- Khairun Dzuria Azniza Mat Zaid. (2020). Penggunaan Bahasa Rojak dalam Aplikasi Whatsapp: Analisis Teori Relevans. *Prosiding Seminar Antarabangsa Komunikasi dan Budaya*. 127-132.
- Ku Yaacob, K. M. S., Mohamad, N. M. ., Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin, & Muhammad Dhiya'ul Hafidh Fatah Yasin. (2023). Tinjauan Penerapan Konsep Etika dan Peradaban Dalam PdP Secara Atas Talian. *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 20(1), 283–298. <https://doi.org/10.31436/jia.v20i1.1130>.
- Lah, N. M. I. N., Kumaran, P. V., Jasmi, K. A., Lah, N., Izzudin, N. M., Kumaran, P. V., & Jasmi, K. A. (2014). Media Sosial Dan Impak Kepada Perkembangan Bahasa Menurut Islam. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.
- Maisarah, N. A., & Azreen, S. (2025). Hubungan antara Konsep Kendiri dan Tahap Kebimbangan dalam Kalangan Generasi Z. *Research in Management of Technology and Business*, 6(1), 23-32.
- Mardi, I. I., Bahrum, S. N. S. B., Zaih, A. S. A., Ismail, F. A., Efandi, A. A. M., & Azman, M. L. N. (2024). Etika Dan Adab Islam Dalam Penggunaan Media Sosial: Cabaran Dan Implikasi Kontemporari. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 7(1), 118-127.
- Maslida Yusof. (2018). Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial. *Jurnal Komunikasi*. 34(2). 36-50.
- Maslida Yusof et al. (2020). Strategi Kritikan Dalam Kalangan Generasi Z. *Jurnal Melayu*. Isu Khas Desember 2020. 478-491

- Mohd Noor, N. E., Tengku Kasim, T. S. A., & Md. Yusoff, Y. (2021). Peranan Guru Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali: The Role Of Teachers In The Implementation Of E-Learning In Islamic Education According To Al-Ghazali's Perspective. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 52–63. <https://doi.org/10.22452/jier.vol6no2021.4>.
- Muhammad Firdaus Hashim et. al. (2024). Parameter dab dan Etika Mahasiswa dalam Menjalani Pembelajaran Secara Atas Talian: Satu Tinjauan Holistik Berdasarkan Quran dan Sunnah. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. (PASAK9 2024). 17-18 Julai 2024.
- Muhammad Talhah et al. (2020). *Generasi Z Di Era Revolusi Industri 4.0: Isu Dan Cara Penyelesaian*. Kolokium UTM-Universitas Purwokerto Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia 17 Feb 2020.
- Mukhlis Muhammad Maududi, Said Romadlan & Nurlina Rahman. (2023). Meningkatkan Etika Komunikasi Generasi Z dalam Berkomunikasi melalui WhatsApp. *Nawadeepa: Jurnal Pengabdian Masyarakat*. 2(4). 188-194. <https://doi.org/10.58835/nawadeepa.v2i4.262>
- Nazim, N. F. S., & Sulaiman, A. M. (2021). Adab Murid Terhadap Guru Menurut Ibn Jama'ah: Aplikasinya Dalam Konteks Pembelajaran Dalam Talian. *e-BANGI*, 18(1), 1-15.
- Nor Hazrul Mohd Salleh & Wan Rohani Wan Mokhtar. (2021). “Cabaran & Generasi Z”. Laman *MyMetro*, bertarikh 17 September 2021. Pautan <https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/09/755809/cabaran-generasi-z>, diakses pada 6 September 2025.
- Norziah Othman & Hazlin Falina Rosli. (2025). “Adab Komunikasi Semakin Sirna, Kurang Hormat & Sensitiviti?”, Laman *Berita RTM*, bertarikh 6 Februari 2025. Pautan <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/adab-komunikasi-semakin-sirna-kurang-hormat-sensitiviti>, diakses pada 5 Ogos 2025.
- Nur Khamsiah Adan. (2021). Tanggungjawab Menjaga Adab Menuntut Ilmu Semasa Sesi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (PDPDT). *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference*. 6 April 2021.
- Nurul Badriyah Ali. (2021). “Jaga Adab Ketika Berkomunikasi di Media Sosial”. Laman *Berita Harian Online*, bertarikh 27 Mac 2021. Pautan <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/03/800725/jaga-adab-ketika-berkomunikasi-di-media-sosial>, diakses pada 29 Julai 2025.
- Rahman, N. S. A., Zolkifli, Z. F. M., & Ling, Y. L. (2020). Kepentingan kemudahan teknologi dan motivasi membentuk kesedaran pelajar dalam pembelajaran digital. In *National Research Innovation Conference (NRIcon 2020)*, Kuching, Sarawak, Oktober.
- Ramadhani, O., & Khoirunisa. (2025). Generasi Z dan Teknologi: Gaya Hidup Generasi Z di Era Digital. *Jurnal Pendidikan dan Ilmu Sosial*. 3(1). 323-331. DOI: <https://doi.org/10.54066/jupendis.v3i1.2916>.
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesiediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Ruzairi, Raudhatusoufwah; Jasmi, Kamarul Azmi. (2022). *Akhlaq dan Adab Generasi Muda Kini*. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(1) 2022, p. 351-357. Tema “Nilai dalam Falsafah Sains dan Tamadun.” Bertempat: Webinar: <https://utm.webex.com/meet/amdean>, 11 Januari 2022.

- Saidin, N. F., Bukhari, N. A. M., & Yue, W. S. (2023). Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. *Journal of Issue In Education*, 46, 44-57.
- Shah, N. M. B. M., Mahamood, A. F., Affandy, H. B., Tabah, L. H. D., Marzuki, I. N., Mokhzar, Z. A., & Yakob, T. K. T. (2024). Fenomena Bahasa Rancu Media Dalam Aplikasi Whatsapp Oleh Mahasiswa: Subtema Istilah. *Journal of Islamic*, 9(68), 168-186.
- Shaikh Mohd Saifuddeen. (2015). "Adab di Media Sosial". Laman *Sinar Harian*, bertarikh 16 Disember 2015. Pautan <https://www.ikim.gov.my/en/adab-di-media-sosial/>, diakses pada 5 Ogos 2025.
- Siti Nur Ezaleila Mustafa. (2013). Media Sosial di Malaysia dan di Indonesia: Alat Komunikasi, Kolaborasi dan Jaringan Digital. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 15(2). 71-85.
- Siti Nur Rohani Hasbie. (2024). Impak Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Terhadap Kesihatan Mental: Kajian Literatur. *Southeast Asia Psychology Journal*. 12(1). 107– 120.
- Siti Kamilah Mustapha. (2022). "Makin Kurang Adab Kerana Media Sosial". Laman *Kosmo Digital*, bertarikh 13 Januari 2022. Pautan <https://www.kosmo.com.my/2022/01/13/makin-kurang-adab-kerana-media-sosial/>, diakses pada 7 Ogos 2025.
- Solhal Huda Sahiran. (2021). *Adab Menuntut Ilmu: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Norma Baharu*. International Conference On Syariah & Law2021 (ICONSIAL 2021)-Online Conference. 6th April 2021.
- Sulaiman @ Mohamad, A., Mohd Nizah, M. A., & Norawavi, A. N. (2019). Konsep Pendidikan Islam: Adab Guru-Pelajar: The Concept of Islamic Education: Teacher-Student Adab. *Sains Insani*, 4(1), 61–67. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.1.09>.
- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 42(2), 87-97.
- Taher, F. I. B. M., & Bakar, F. H. B. A. (2021, April). Pendidikan digital era RI 4.0 dalam Pendidikan Islam. In *Jurnal International Conference on Syariah & Law* (pp. 436-451).
- Tengku Sarina Aini et al. (2022). Cabaran Guru Dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan Islam. *Sains Insani*. Special Issues. 63-71.
- Wahyu Mei Nanda. (2024). *Etika Komunikasi Generasi Alpha Kepada Guru Melalui Media Sosial WhatsApp Dalam Perspektif Islam*. (Disertasi, Institut Agama Islam Negeri (IAIN). <https://e-theses.iaincurup.ac.id/5699/1/FULL%20TEXT.pdf>
- Zulhanif Idris & Roslinda Rosli. (2019). Whatsapp : Penggunaannya Dalam Membantu Pembelajaran Matematik Tambahan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Kerajaan Di Kuala Lumpur. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* 2019. 24-25 April 2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- (2025). "Gen Z Lebih Lantang!", Laman *My Metro*, bertarikh 3 Mei 2025. Pautan <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1214346/gen-z-lebih-lantang>, diakses pada 5 Ogos 2025.